

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 6**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan banyak rungutan di kalangan perunding dalam industri oil and gas masih banyak menggunakan perunding-perunding dari luar negara dan tidak memberi kepercayaan dan peluang kepada perunding-perunding tempatan. Nyatakan berapa ramai perunding luar negara yang masih digunakan oleh Petronas dan apakah bidang dan kepakaran mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) sebagai sebuah syarikat minyak negara yang ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA1974) komited dalam membantu untuk memajukan industri minyak dan gas tempatan. Penglibatan PETRONAS dalam industri hulu dan hiliran dianggarkan 75 peratus daripada keseluruhan industri dalam negara.

2. Untuk tempoh Januari hingga Ogos 2019, syarikat-syarikat perunding tempatan merangkumi lebih 60 peratus daripada jumlah keseluruhan syarikat-syarikat perunding yang dilantik oleh PETRONAS. Bagi skop kerja yang terlalu khusus dan teknikal seperti Kejuruteraan, Pemilikan, Pembinaan dan Pelaksanaan (*Engineering, Procurement, Construction and Commissioning – EPCC*), teknologi proprietari dan digital (ICT), kepakaran tempatan adalah sangat terhad dan perlu diperolehi daripada sumber luar. Sebagai contoh, teknologi pemetaan

seismik laut dalam (*seismic deep water acquisition services*) hanya dimiliki oleh syarikat global, dan kepakaran ini tidak dimiliki oleh mana-mana perunding tempatan atau boleh dibangunkan dalam masa singkat oleh PETRONAS sendiri. Tambahan pula, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh perunding luar ini memerlukan kos modal yang tinggi, berteknologi tinggi, kompleks dan rumit kerana lapangan-lapangan minyak dan gas yang ada sekarang adalah di laut dalam (*deep water*) dan mempunyai kadar kontaminan yang terlalu tinggi seperti sulfur, CO<sub>2</sub> dan merkuri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya terdapat 4 firma global yang menawarkan khidmat *seismic deep water acquisition services*.

3. PETRONAS melantik perunding-perunding atau vendor-vendor dari luar negara untuk memastikan kelangsungan projek dan sasaran kritikal tercapai.

4. Bagi memastikan lebih ramai vendor serta perunding tempatan terlibat secara aktif dan kompetitif di dalam industri minyak dan gas, pelbagai usaha, program serta inisiatif terus dilaksanakan PETRONAS, dengan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi seperti Program Pembangunan Vendor (VDP dan VDPX), VDP Inovasi dan Teknologi, Program Lestari, BeyondHome dan program pembiayaan vendor OGSE (*Oil and Gas Services & Equipment*) PETRONAS. Di bawah Program VDP PETRONAS, sebanyak 108 syarikat telah mendapat manfaat dengan nilai kontrak bernilai lebih kurang RM9 bilion setakat Oktober 2019. 4 syarikat VDP tempatan telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Manakala 30 VDP tempatan telah beroperasi di luar negara.

5. PETRONAS memandang serius dalam membangunkan kapasiti dan keupayaan perunding-perunding tempatan ini. Sebagai contoh, apabila aktiviti penerokaan dan pengeluaran minyak dan gas PETRONAS di Turkmenistan dan Myanmar, perunding-perunding tempatan ini telah dilibatkan bersama memandangkan infrastruktur dan kepakaran negara tersebut masih terhad dan ini membuka peluang kepada perunding-perunding tempatan ini untuk meneroka pasaran baharu.

Sekian, terima kasih.